

Pemimpin komponen anggap mesej Dr M bertepatan

BH 22 JUN 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di perhimpunan agung ke 55 Umno secara umumnya meminta orang Melayu untuk bersatu semula dengan segera demi masa depan bangsa dan negara.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata ucapan itu yang menyentuh pelbagai subjek seperti teknologi maklumat, pendidikan dan politik mempunyai mesej jelas kepada masyarakat Melayu bahawa adalah penting bagi mereka menyokong sepenuhnya Umno dan mengekalkan keamanan.

“Bagi MCA, Umno adalah tunjang Barisan Nasional.. kita mahu melihat Umno yang kukuh, yang juga bermakna BN yang kukuh,” kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri ucapan presiden Umno semasa perhimpunan agung parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dengan menyifatkan ucapan itu sebagai satu yang tepat pada masanya, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, keamanan, kestabilan dan keharmonian yang ditekankan oleh Perdana Menteri adalah sangat penting untuk Malaysia terus maju dan menjadi sebuah negara perindustrian.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M Kayveas, berkata ucapan Dr Mahathir membawa mesej kepada orang Melayu supaya mereka menilai diri sendiri dalam semua bidang.

Semasa bercakap kepada Bernama, beliau berkata, kerajaan dan Umno telah melakukan segala yang mungkin demi kebaikan masyarakat Melayu dan diberi pelbagai keistimewaan dan peluang untuk maju.

“Ataupun dengan lain perkataan segala-galanya disediakan...tidak mungkin ada yang lebih baik, jika mereka mengutuk kerajaan dan mahu menukar kerajaan ia tidak akan membawa mereka ke mana-mana,” katanya sambil menambah, pembangkang belum lagi matang memerintah negara.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata ucapan Dr Mahathir juga meminta orang Melayu berterima kasih kepada Umno dan Barisan Nasional (BN) bagi semua pengorbanan dan sumbangan.

Beliau berkata, satu lagi mesej ialah orang Melayu perlu menguasai Bahasa Inggeris untuk menghadapi globalisasi dan oleh itu mereka tidak akan diperkecilkan oleh siapa.

Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng berkata, dengan menyentuh perkara asas seperti pendidikan dan ekonomi, Dr Mahathir mahu masyarakat Melayu memperbaiki kedudukan diri mereka sendiri supaya akhirnya menjadi “Melayu Boleh” yang berkebolehan dan bermaruah tinggi.

Beliau berkata, sememangnya pemimpin Umno itu benar-benar ingin menyedarkan orang Melayu tanpa menyimpan sebarang hasrat untuk mencari populariti sendiri.

Penasihat Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) Mohamedumar B Peer Mohamed berkata, ucapan Dr Mahathir yang juga menyentuh perhubungan kaum membuktikan Malaysia berjaya mewujudkan perkongsian bijak antara kaum.

“Dan manfaatnya, rakyat berjaya menikmati kemakmuran yang jauh beza berbanding banyak negara lain di Asia,” katanya.